



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
PARCEL E,
BLOK E, ARAS 8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN

TEL.NO : 03-8884 6077
FAKS : 03-8889 4548
LAMAM WEB : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.XVII/(12)
Tarikh : 31 Disember 2004

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y. Bhg. Datuk /Dato' /Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL.12/2004 GARIS PANDUAN UMUM PEMBERIAN KERJA RUMAH KEPADA MURID SEKOLAH

Kita sedia maklum mengenai peranan kerja rumah dalam memperkukuh dan memperkaya pemahaman murid terhadap sesuatu konsep pembelajaran. Kerja rumah yang diberikan oleh guru dalam pelbagai bentuk sama ada dalam bentuk kerja projek, penyediaan folio ataupun latihan adalah merupakan satu kesinambungan kepada pengajaran dan latihan yang diberikan di dalam kelas. Kerja rumah juga berperanan untuk meningkatkan kemahiran murid melalui latihan pemulihan di samping mengisi masa senggang murid di luar waktu persekolahan dengan aktiviti pendidikan.

Kementerian menyedari bahawa di luar waktu persekolahan, murid turut diberikan tugas tambahan sama ada kelas-kelas tuisyen, kelas agama ataupun latihan tambahan yang diberikan oleh ibu bapa mereka sendiri. Kementerian berpendapat bahawa murid harus diberi peluang untuk mengikuti aktiviti-aktiviti luar seperti, aktiviti kokurikulum, riadah atau masa untuk berehat bagi membentuk pengalaman dan minda yang sihat dan seimbang. Untuk itu, pelaksanaan kerja rumah perlu dirancang dengan teliti dan sistematik supaya hasrat ini dapat dicapai.

2. Pekeliling ini dikeluarkan sebagai garis panduan umum mengenai pemberian kerja rumah untuk dipatuhi oleh semua pengetua, guru besar dan guru. Pihak sekolah juga boleh menyesuaikan panduan umum mengikut keperluan murid, guru dan sekolah masing-masing. Garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

(A) PERANCANGAN

- i) Pihak sekolah melalui Jawatan Kuasa Kurikulum dan Panitia Mata Pelajaran masing-masing perlulah menyediakan perancangan yang lengkap dan seimbang

bagi setiap kelas untuk menjadualkan pemberian kerja rumah.

- ii) Perancangan pemberian kerja rumah hendaklah mengambil kira faktor jumlah, jenis atau bentuk, kekerapan, aras kesukaran mata pelajaran dan kemampuan murid berkenaan.
- iii) Faktor lain seperti, masa peperiksaan, hari sukan atau aktiviti kokurikulum, hari kecemerlangan sekolah dan juga hari-hari cuti juga perlu diambil kira dalam merancang pemberian kerja rumah ini. Pemberian kerja rumah tidak seharusnya tertumpu kepada masa cuti atau hujung minggu sahaja.
- iv) Pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlu dimaklumkan mengenai peranan, perancangan dan pelaksanaan pemberian kerja rumah oleh pihak sekolah.

(B) PELAKSANAAN

- i) Pihak sekolah perlulah memastikan setiap murid diberikan kerja rumah secara **berpatutan dan bersesuaian** dengan potensi dan kemampuan murid berkenaan.
- ii) Pihak sekolah **tidak digalakkan** menyuruh murid meniru atau menyalin satu persatu soalan latihan atau kesemua pilihan jawapan dari mana-mana sumber seperti sisipan pendidikan akhbar, majalah, buku kerja dan yang sepertinya sebagai tugas kerja rumah.
- iii) Guru kelas boleh **menyelaraskan** jadual pemberian kerja rumah setiap minggu, bagi setiap mata pelajaran di kelas masing-masing agar setiap guru berpeluang memberikan kerja rumah secara seimbang dan sama rata.
- iv) **Tempoh masa** menyiapkan kerja rumah mestilah mengambil kira faktor kemampuan murid, aras kesukaran mata pelajaran, jenis dan bentuk kerja rumah.
- v) Bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih menyeronokkan, guru perlu **mempelbagaikan** bentuk tugas dan kerja rumah agar tidak hanya tertumpu kepada latihan berbentuk kertas dan pensil/pen sahaja. Tugas boleh diolah supaya ianya menjadi lebih menarik seperti, folio, kerja kursus, bahan-bahan bantu belajar dan sebagainya. Selain itu, tugas seperti, merumuskan berita di radio atau di televisyen, mengumpulkan bahan/input di media cetak/elektronik,

- membuat laporan dan pemerhatian mengikut kesesuaian tajuk dan sebagainya boleh dicadangkan.
- vi) Penyemakan kerja rumah dengan segera akan memudahkan guru membuat tindaksusul seperti, langkah pemulihan atau pengayaan.


(C) PEMANTAUAN

- i) Satu mekanisme hendaklah disediakan supaya jadual pemberian kerja rumah dapat diakses oleh pengetua, guru besar, guru dan murid pada setiap masa. Oleh itu, jadual ini sesuai dipaparkan di setiap bilik darjah. Mekanisme yang disediakan perlu mengambil kira jumlah kerja rumah yang telah/akan diberi kepada murid-murid dalam sebuah kelas untuk sesuatu hari bagi setiap mata pelajaran selain mengambil kira masa yang diperlukan oleh murid untuk menyiapkan sesuatu tugas atau kerja rumah berkenaan.
- ii) Mekanisme ini juga boleh melibatkan merekod pemberian kerja rumah dalam bentuk catatan/buku yang akan membantu memudahkan pemantauan dibuat secara sistematik dan berkesan.
- iii) Pengetua, guru besar dan ketua panitia mata pelajaran hendaklah memantau pelaksanaan jadual ini agar ianya dilaksanakan dengan berkesan.
- iv) Pengetua dan guru besar adalah bertanggungjawab memastikan bahawa kerja rumah yang diberikan kepada murid disemak oleh guru yang berkenaan.

3. Sila maklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Bahagian/Daerah, Guru-Guru Besar dan Pengetua-Pengetua sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ABDUL RAFIE BIN MAHAT)
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Timbalan Menteri Pelajaran
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pelajaran
 4. Y.B. Puan Komala Devi
Setiausaha Parlimen, Kementerian Pelajaran
 5. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
 8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran
 10. Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pelajaran